

# HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone Acetate (1 % w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hydrocortisone cream
2. Bagaimana Hydrocortisone cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hydrocortisone cream
4. Cara menggunakan Hydrocortisone cream
5. Semasa menggunakan Hydrocortisone cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrocortisone cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hydrocortisone Cream

ia adalah untuk melegakan manifestasi radang dan gatal akibat daripada masalah kulit yang responsif terhadap kortikosteroid.

## Bagaimana Hydrocortisone Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Hydrocortisone acetate. Kortikosteroid topikal mempunyai tindakan anti-radang, anti-kegatalan dan pengecutan salur darah. Mekanisme anti-radang kortikosteroid topikal tidak jelas.

## Sebelum menggunakan Hydrocortisone Cream

### - Bila tidak boleh mengguna

Jangan gunakan Hydrocortisone cream jika anda hipersensitif kepada hydrocortisone atau mana-mana bahan kandungan dalam ubat ini.

### - Sebelum menggunakan Hydrocortisone cream

Penyerapan sistemik kortikosteroid topikal telah menghasilkan penekanan kelenjar adrenal berbalik menyebabkan manifestasi sindrom Cushing, paras gula darah tinggi dan kehadiran gula dalam air kencing.

Keadaan yang meningkatkan penyerapan sistemik termasuk penggunaan steroid yang lebih kuat, penggunaan pada kawasan permukaan yang besar, penggunaan yang berpanjangan, dan tambahan balutan oklusif

Maka, doktor anda akan merancang beberapa ujian untuk keadaan ini. Jika penekanan kelenjar adrenal dikenal pasti, doktor anda akan

Menghentikan penggunaan ubat, mengurangkan kekerapan aplikasi, atau untuk menggantikan dengan steroid yang kurang kuat.

### Penggunaan pada kanak-kanak

Kanak-kanak mungkin menunjukkan kecenderungan yang lebih besar untuk mengalami sindrom Cushing dan penekanan kelenjar adrenal yang disebabkan oleh topikal kortikosteroid daripada orang dewasa kerana nisbah kawasan permukaan kulit kepada berat badan yang lebih besar. Manifestasi penekanan kelenjar adrenal pada kanak-kanak termasuk terencat pertumbuhan, berat badan bertambah lambat, tahap plasma kortisol rendah, dan tiada tindak balas kepada beberapa rangsangan hormon. Peningkatan tekanan darah di dalam otak telah dilaporkan pada kanak-kanak yang menerima topikal kortikosteroid.

### Mengandung dan penyusuan

Topikal kortikosteroid boleh digunakan semasa hamil hanya jika faedah yang dijangka mengatasi sebarang risiko kuantiti atau untuk tempoh yang lama. Tiada sebarang kajian diketahui sama ada penggunaan topikal kortikosteroid boleh menyebabkan penyerapan sistemik yang cukup untuk menghasilkan kuantiti yang boleh dikesan dalam susu ibu.

Jadi, perlu berhati-hati ketika menggunakan topikal kortikosteroid oleh ibu menyusu.

### - Jika menggunakan ubat- ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Hydrocortisone Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Penggunaan topikal.  
Satu lapisan nipis krim disapu pada kawasan kulit terjejas satu hingga tiga kali sehari. Dos sekali atau dua kali sehari selalunya berkesan.

### - Bila perlu digunakan

Hydrocortisone Cream akan digunakan apabila diperlukan dan seperti ditetapkan oleh doktor anda. Penggunaan kortikosteroid topikal pada kanak-kanak harus terhadap kepada dos yang rendah dan berkesan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor anda

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengguna terlalu banyak ubat dengan tidak sengaja, hubungi doktor anda dengan segera atau mendapatkan rawatan perubatan.

## Semasa menggunakan Hydrocortisone Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna Hydrocortisone cream mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang tidak dilakukan

Jangan kongsi ubat - ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, iritasi atau jangkitan, rujuk doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hydrocortisone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan setempat berikut telah dilaporkan dengan kortikosteroid topikal terutama di dalam balutan oklusif, rasa pedih, gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, radang folikel rambut, pertumbuhan rambut berlebihan, pertumbuhan jerawat, pengurangan pigmentasi, keradangan kulit di sekeliling mulut, keradangan kulit sentuhan alahan, warna kulit menjadi lembut, jangkitan sekunder, kulit menipis, tanda regangan dan ruam panas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03 78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrocortisone Cream**

### - Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 25°C.  
Lindungi daripada cahaya.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### - Rupa dan Warna Produk

Krim putih dan licin.

### -Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif

Hydrocortisone Acetate

- Bahan tidak aktif

- Cetomacrogol 1000
- White Soft Paraffin
- Liquid Paraffin
- Ethylene Diaminetetraacetate
- Deionised Water
- Chlorocresol
- Cetostearyl Alcohol

### - Nombor MAL

MAL19870460AZ

## **Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No.  
9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No.  
9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

14/01/2016

## **Nombor siri**

BPFK(R4/1)221215/00505